

Kutipan tol Cheras

Usah jadikan isu perkauman

BH 10 SEP 1999 P.D.

Oleh HAW TIANSOO

KUALA LUMPUR, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan ahti politik di negara ini supaya tidak menggunakan isu perkauman semata-mata untuk kepentingan politik masing-masing.

Katanya, beliau dukacita keraha dalam isu kutipan tol di Cheras, ada ahli politik yang menuduh kerajaan sengaja menaikkan bayaran tol kerana ia adalah kawasan orang Cina.

"Ahli politik ini-kita kenafsiapa mereka - menuduh kerajaan sengaja menaikkan tol. itu kerana kebanyakan penduduk kawasan Cheras adalah kaum Cina," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian hadiah Walkathon Bakfi 1990 di Dewan Bankuasi, Bangunan Parlimen, di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sanggup membantu penduduk di Cheras berhubung isu kutipan tol itu, jika mereka menggnakan saluran yang betul dan tidak membenarkan diri mereka diperalatkan oleh ahli politik yang tidak bertanggungjawab.

Katanya, kini sudah ada tanda menunjukkan pihak tertentu hendak menggunakan isu perkauman untuk kepentingan politik mereka.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, amalan sebegitu adalah berbahaya dan di negara ini isu perkauman tidak seharusnya dibangkitkan kerana kerajaan masih berusaha hendak membetulkan hubungan antara kaum.

Sehubungan itu, beliau berkata, kerajaan tidak teragak-agak menggunakan undang-undang yang sedia ada jika didapati ads di ka-

langan ahli politik yang cenderung menggunakan isu perkauman.

Mengenal cadangan Semangat 46 mengadakan tunjuk perasaan di Plaza Tol Jalan Pahang, di sini, esok, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, parti berkenaan bebas membuat apa yang mereka suka.

Bagaimanapun, katanya, dalam hal itu ia menunjukkan betapa Semangat 46, jika diberikan kuasa, akan menggunakan cara yang tidak aman untuk menuntut sesuatu dan cara sebegitu tidak membawa kepada kebaikan.

Katanya, rakyat seharusnya bersyukur dan berterima kasih kerana negara ini aman.

Ditanya mengenai penahanan dua ahli DAP, iaitu Ahli Parlimen Sungai Besi, Encik Tan Kok Wai dan Encik Lim Yit Chee @ Lim Kim Teo, yang menjadi penolong khas kepada Ahli Parlimen Bukit Bintang, Encik Lee Lam Thye, mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana terbabit dalam isu kutipan tol di Cheras, Perdana Menteri berkata, perkara itu masih dalam bidang tugas polis.

Katanya, sebagai Menteri Dalam Negeri, beliau hanya akan terbabit secara langsung selepas polis menamatkan siasatan dalam tempoh 60 hari seperti yang ditetapkan mengikut ISA.

"Selepas itu, pihak polis akan mengemukakan cadangan sama ada orang yang terbabit itu perlu ditahan atau dibebaskan dan bgrulah saya terbabit," katanya.

Dalam kejadian tunjuk perasaan dan merusuh di Plaza Tol Cheras Jumaat lalu, polis menahan 4 orang mengikut ISA manakala 31 yang lain ditahan mengikut Seksyen 148 Kanun Keseksaan.

Dua daripada mereka yang ditahan mengikut ISA, iaitu Ng Shing Chong dan Yip Soo @ Yip See, dibebaskan selepas disoalsiasat selama sembilan jam manakala 31 yang ditahan mengikut Seksyen 148 Kanun Keseksaan dibebaskan dengan ikat jamin \$1,006 seorang.